



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

20 OKTOBER 2022 (KHAMIS)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

20 OKTOBER 2022 (KHAMIS)

CIP KPS platform lahir generasi pengguna bijak

KUALA TERENGGANU - Program Cabaran Interaktif Pengguna Kelab Pengguna Sekolah (CIP KPS) akan menjadi platform terbaik pembelajaran interaktif yang efektif dalam usaha membentuk generasi pengguna muda bijak, berilmu dan bertanggungjawab.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid berkata, usaha itu seiring dengan pepatah 'mélentur buluh blarlah dari rebungnya' apatah lagi dalam berdepan situasi ekonomi global yang tidak menentu sekarang.

Menurutnya, budaya ke-penggunaan matang, rasional dan berdaya upaya harus dilestarikan bermula sekarang dengan menggembangkan pengguna muda sebagai ejen perubahan yang dilengkapi ilmu kepenggunaan seperti sosial, kewangan, ekonomi dan persekitaran semasa.

"Saya yakin satu hari nanti isu inflasi dan harga barang di negara kita akan dapat di-

atasi dengan tuntas melalui kua-sa pengguna yang jitu, tanpa perlu kerajaan membelanjakan peruntukan subsidi terlalu besar yang boleh beri kesan kepada ekonomi negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan Perasmian Penutup CIP KPS Tahun 2022 Peringkat Kebangsaan yang melibatkan penyertaan sebanyak 634 sekolah terdiri daripada 2,536 pelajar dari seluruh negara di sini pada Rabu.

Pada majlis itu, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kidurong, Sarawak diumumkan sebagai juara manakala tempat kedua dan ketiga dimenangi SMK Sri Nangka, Tuaran, Sabah serta Sekolah Menengah Sains Alam Shah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

CIP KPS dianjurkan oleh KPDNHEP dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) selama dua hari bermula Selasa dan format pertandingan ini adalah berbentuk cabaran interaktif berkONSEP eksplorace yang menguji kecekapan, pengetahuan dan amalan'kepenggunaan.

Rosol berkata, Cabaran



Rosol (barisan kedua, tengah) bersama pemenang dan peserta CIP KPS selepas hadir menyempurnakan Perasmian Penutup CIP KPS Tahun 2022 Peringkat Kebangsaan di Kuala Terengganu pada Rabu.

Interaktif Pengguna merupakan salah satu aktiviti kepenggunaan di bawah Kelab Pengguna Sekolah (KPS) yang berperanan sebagai platform dan nadi penggerak pendidikan kepenggunaan di peringkat sekolah menengah.

Sehingga 30 September lalu katanya, sebanyak 2,030 sekolah telah menubuhkan KPS melibatkan penyertaan seramai 69,178 sebagai ahli KPS.

Sementara itu, Rosol me-

maklumkan hanya kira-kira 10 peratus daripada 811,000 pengguna yang berdaftar sebagai Rakan KPDNHEP aktif di seluruh Malaysia ketika ini.

Jelas beliau, walaupun jumlah yang berdaftar adalah sangat ramai namun peranan mereka dalam kerja sukarela itu masih kurang menyerlah kerana 90 peratus lagi rakan KPDNHEP adalah tidak aktif.

"Kita sedang melihat untuk

memperkasakan semula gerakan ini termasuk cadangan menyediakan beberapa insentif seperti e-wallet atau saguhati bersesuaian.

"Peranan rakan KPDNHEP ini sangat besar impaknya kerana ia boleh bantu meringankan beban kerajaan terutamanya 2,200 pegawai kuasa kementerian untuk pantau hal berkaitan kepentingan di seluruh negara," katanya.

Incentives for volunteers to help monitor consumer issues

KUALA TERENGGANU: The Trade and Consumer Affairs Ministry will strengthen the role of "Friends of the Trade and Consumer Affairs Ministry", a volunteer squad, to help monitor consumer issues.

Its caretaker Deputy Minister Datuk Rosol Wahid said according to data, there are more than 800,000 registered "friends" nationwide, but only 10% are active in channelling information to the ministry.

He said he plans to offer incentives to the volunteers to encourage them to be the government's eyes and ears on consumer issues.

"We will empower this squad by giving incentives in the form of e-wallets or tokens, for channelling reports or information to the ministry."

He was speaking at the closing ceremony of the national level 2022

Consumer Interactive Challenge - School Consumer Club yesterday.

Rosol said the existence and services of the squad are essential to help the ministry's enforcement officers and personnel to carry out monitoring more effectively.

"We have approximately 2,200 enforcement officers and personnel. The number is not enough if we want to monitor the entire country.

"So, the squad's role is important to help consumers."

Rosol said the ministry would also strengthen the role of the student consumer movement to provide education and exposure on consumerism to young people.

Students of Sekolah Menengah Kebangsaan Kidurong, Sarawak, were crowned champions in the interactive challenge after beating 634 schools nationwide. - Bernama

Tracking the real cause of the chicken and eggs problem

PETALING JAYA: Authorities are scrambling to get to the bottom of the latest chicken and egg shortages, says the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry.

Ministry secretary-general Datuk Azman Mohd Yusof acknowledged the issue and was investigating where the problems were in the supply chain.

"If the root (cause) came from retail, the ministry will investigate from retail to the upstream level to identify the causes.

"If it originated at farms, it would be under the supervision of Agriculture and Food Industries Ministry (Maf), " he told *The Star* yesterday.

Azman revealed that Maf had also received similar complaints.

"Based on Maf's data, in September, there was enough supply. But lately, they too had received complaints on chicken and egg shortages.

"I have been told a series of meetings between Maf officials and suppliers (at farms) are still under way to resolve such issues," he added.

An official from Maf, when contacted, said the ministry was waiting for a report from the Veterinary Services Department on the issue of egg shortage.

"We will release the findings of the report as soon as we receive it," the official said.

Yesterday, *The Star* reported that poultry farmers said the current shortage of price-controlled eggs in the market would worsen ahead of the year-end festive season.

Industry players said the situation is unlikely to ease even next year because of several factors.

These include the rising cost of chicken feed due to weakening ringgit against the US dollar and weather factors.

When asked, Azman said the ministry was also monitoring possible shortages of other essentials such as sugar.

He said several initiatives would be put in place to address a sugar shortage.

It includes limiting exports to prioritise local demand.

Buy only what you need, consumers urged

By SARBAN SINGH
sarbands@thestar.com.my

SEREMBAN: Consumers have been told not to buy more chicken eggs than they need during a shortage in some areas in the state.

State Domestic Trade and Consumer Affairs Department director Muhammad Zahir Mazlan said checks conducted since early this month showed that there was a shortage at the retail level in several areas, especially Nilai.

"This is due to higher demand from consumers with the coming festive season."

"We would like to advise consumers not to panic buy or to buy in large quantities as this will only cause a disruption to the local supply chain," he said, adding that consumers should stick to buying the usual number of eggs they needed.

Muhammad Zahir said as of Oct 18, there were over 308,000 eggs of various grades in the market.

He said the reduction in supply in

Not again: A shortage of eggs was also reported yesterday (right) due to weather and higher chicken feed prices.

some areas had not led to an increase in prices.

The retail price for a Grade A egg is 45 sen, Grade B (43 sen) and Grade C (41 sen). The grades are according to weight, with Grade A being the biggest.

Despite the shortage of supply at some retailers, the department had only received one complaint through its online system.

"We got to know that there was short supply at a business premises in Nilai.

"An inspection was quickly carried out in the vicinity and we found that only that particular outlet had a shortage, which was attributed to higher than usual demand," he said.

Muhammad Zahir said checks at two egg farms in the state also showed production level to be normal.



Floods, political discord, soaring prices and even the perceived misdeeds of a former attorney-general. These are among the hot-button local and national issues which are set to headline the election campaign. Traders, though, are expecting good profits. > See reports on pages 4 & 5

To ensure a sufficient supply, the department would continue to monitor the situation at selected dedicated district retailers in the state. There are 151 such outlets in the state.

He said besides normal outlets, consumers could also buy eggs at "Jualan Murah Keluarga Malaysia"

held every weekend in every state constituency, where the prices of eggs and other foodstuff were competitive.

Consumers can forward their complaints by contacting the department at 1 800 886 800, enforcement command centre at 03-8882 6088/6245, WhatsApp to 019-279 4317 or email e-aduan@kpdnhep.gov.my.

Seremban: Walaupun berlaku kekurangan telur ayam di negeri ini sejak dua minggu lalu, harga bekalan beraukan masih terkawal dan tidak melebihi harga maksimum.

Suri rumah, Syuhadah Majid, 31, berkata, dia kecewa kerana telur ayam sukar diperoleh atau habis selepas dua kali pegi ke pasar raya menyebabkan terpaksa meminta suaminya mencari di premis lain.

"Bagaimanapun, sejak minggu lalu sudah dua kali saya terpaksa membeli telur ayam kampung kerana tiada pilihan. Harganya sedikit mahal berbanding telur ayam biasa."

"Ada sesetengah kedai runcit masih ada bekalan telur ayam dalam paket empat

Harga masih terkawal walaupun telur berkurang

biji atau perlu membeli se-papan iaitu sebanyak 30 biji," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan Muhammad Zahir Mazlan berkata, situasi kekurangan bekalan telur ayam berlaku akibat permintaan yang tinggi daripada pengguna terutama menjelang musim perayaan.

"Namun, bekalan di sesebuah kawasan terbatas tidak memberikan kesan ke-naikan harga dan harga maksimum yang ditetapkan kerajaan.

"Bagi memastikan beka-



KEKURANGAN bekalan telur ayam berlaku akibat permintaan tinggi daripada pengguna terutama menjelang musim perayaan.

HARI : **KHAMIS**
TARIKH : **20/10/2022**
M/SURAT : **24**



Sejak minggu lalu sudah dua kali saya terpaksa membeli telur ayam kampung kerana tiada pilihan. Harganya sedikit mahal berbanding telur ayam biasa"

Syuhadah Majid

lan telur ayam sentiasa mencukupi di negeri ini, kami akan memantau kedudukan bekalan di 151 pe-runcit terpilih daerah.

"Setakat 18 Oktober lalu,

sebanyak 308,470 telur ayam pelbagai gred berada di pasaran untuk pengguna. Semakan di dua ladang telur ayam di negeri ini juga mendapat pengeluaran di peringkat ladang tidak berlaku sebarang pengurangan bekalan," katanya.

Menurutnya, sehingga kini, pihaknya hanya menerima satu aduan melalui sistem e-aduan KPDNHEP berhubung kekurangan bekalan telur ayam di sebuah premis di Nilai.

Katanya, pihaknya menasihati pengguna supaya membuat pembelian telur ayam secara biasa dan dalam kuantiti yang diperlukan sahaja.

Pembeli dakwa barang keperluan itu tiada di pasaran sejak beberapa bulan lalu

Oleh SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI
GEORGETOWN

Bekalan minyak masak peket satu kilogram (kg) bersubsidi di sekitar bandar ini didapati terputus sejak minggu lalu malah ada pembeli mendakwa barang keperluan itu tiada di pasaran sejak beberapa bulan lalu.

Tinjauan Sinar Harian di beberapa kedai runcit dan pasar raya di sini mendapati bekalan minyak masak peket ditemukan.

Suri rumah, T Suppulachme, 58, berkata, bekalan minyak masak peket di kawasan kediarnannya iaitu sekitar Gat Lebuh Macallum selain di beberapa buah kedai runcit di Georgetown sangat susah untuk ditemukan.

"Sudah lama tak ada (minyak masak peket). Setiap dua hari saya mesti akan ke kedai runcit, sama ada di kawasan rumah atau di kawasan berdekatan, tetapi tetap tak ada."

"Perkara ini amat menyukarkan kerana golongan berpendapatan rendah seperti saya perlu membeli minyak masak botol yang jauh lebih mahal berbanding di dalam peket," katanya di sini pada Rabu.

Tambahnya, lebih merunsingkan apabila perayaan Deepavali bakal disambut

tidak lama lagi.

"Bila hari raya, semestinya saya mahu buat persiapan antaranya masak pelbagai jenis makanan selain membuat muruku. Semua itu perlu menggunakan minyak masak dalam kuantiti yang banyak.

"Jika bekalan masak tiada, terpaksa beli minyak masak botol. Sampai bila nak tunggu bekalan? Raya dah nak dekat," keluhnya.

Pada Selasa, Pegawai Pendidikan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), NV Subarrow mendakwa bekalan minyak masak peket bersubsidi didapati berkurangan di kebanyakan kedai runcit di negeri ini, sejak beberapa minggu lalu.

Katanya, perkara itu amat membimbangkan berikutnya perayaan Deepavali bakal disambut pada 24 Oktober ini.

Jelas Subarrow, aduan mengenai perka tersebut diterima daripada pengguna terutama suri rumah yang mendakwa tidak dapat membeli minyak masak peket bersubsidi di kedai runcit kerana kehabisan stok.

Dalam pada itu, menurut pekerja kedai runcit, K Palanichamy, 36, kali terakhir bekalan minyak masak peket tiba di premisnya adalah pada dua minggu lalu.

"Pemilik premis sudah membuat tempahan tetapi sehingga hari ini, tiada bekalan yang sampai. Ramai juga pembeli mengeluh tetapi kami tak mampu berbuat apa-apa."

"Sejak dua minggu lalu, kami hanya menjual minyak masak botol. Saya tidak pasti apa sebenarnya yang berlaku di peringkat pembekal tetapi yang pasti, bekalan minyak masak peket bersubsidi memang tidak ada," ujarnya.

'Susahnya nak jumpa minyak masak peket'



-kedai runcit.

"Di pasar raya juga sama, memang tak ada langsung. Isu ini bukan baharu, dah lama berlaku. Nak tak nak, kena beli juga minyak masak botol. Walaupun harga mahal, sebagai pengguna, kami terpaksa," luahnya.

Bagaimanapun, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNEP)

Pulau Pinang dalam senyataan pada Rabu mengesahkan bahawa tiada gangguan bekalan minyak masak peket pada peringkat pengeluaran dan pengedaran.

Pengarahnya, S Jegan berkata, periksaan juga dijalankan ke atas beberapa premis runcit dan pasar raya di daerah Barat Daya dan seluruh Pulau Pinang dan mendapati tiada masalah bekalan minyak masak di pasaran.



Bekalan minyak masak peket bersubsidi didakwa sukar didapati di Pulau Pinang.



Tinjauan di beberapa kedai runcit di Georgetown mendapati hanya bekalan minyak masak botol berada di pasaran.

Tiada gangguan bekalan minyak peket di P. Pinang



ANTARA jenama minyak peket yang terdapat di pasaran sekitar George Town.

GEORGE TOWN – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang menafikan berlakunya gangguan bekalan minyak masak peket bersubsidi di negeri ini.

Pengarahnya, S. Jegar berkata, pihaknya telah menjalankan pemeriksaan ke atas beberapa premis runcit dan pasar raya di daerah Barat Daya termasuk di seluruh Pulau Pinang dan mendapati bekalan minyak masak peket ada di pasaran.

"Seksyen Penguat Kuasa, KPDNHEP Pulau Pinang telah menjalankan pemeriksaan ke atas 24 syarikat pembungkus yang membekalkan 3.434 juta kilogram minyak bersubsidi i kilogram (kg) di Pulau Pinang setiap bulan.

"Kita mendapati tidak berlaku gangguan di peringkat pengeluaran dan pengedaran ke pasaran," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Terdahulu *Kosmo!* melaporkan Persatuan Pengguna Pulau

Deepavali suram,
minyak peket kurang

KERATAN *Kosmo!* semalam.

Pinang (CAP) menggesa KPDNHEP menangani segera isu kekurangan bekalan minyak masak peket bersubsidi sempena sambutan perayaan Deepavali.

Pegawai Penyelidiknya, N. V. Subbarow berkata, pengguna utama isi rumah berketurunan India mendakwa mereka sukar untuk mendapatkan minyak peket untuk persiapan membuat kuih raya Deepavali sejak beberapa minggu lalu.

Dalam pada itu, menurut Jegar, sejumlah 1.9 juta kilogram minyak masak bersubsidi 1 kg telah diedarkan ke pasar raya dan peruncit untuk kegunaan domestik di seluruh Pulau Pinang

dengan baki berjumlah 1.5 juta kilogram akan diedarkan dalam bulan ini.

"Untuk makluman, tiga daripada 24 syarikat pembungkus adalah beroperasi di George Town dengan kuota pengeluaran bulanan sebanyak 247,000 kilogram bagi kegunaan pengguna domestik di daerah Timur Laut dan Barat Daya.

"Selain dari tiga syarikat di atas, syarikat pembungkus lain yang beroperasi di Seberang Perai, Pulau Pinang turut mengedar minyak masak bersubsidi 1 kg," katanya.

Justeru bellau memberitahu, pihaknya menjangkakan permintaan ke atas minyak masak peket di pasaran akan meningkat untuk persediaan menjelang Deepavali pada hujung bulan ini.

"Ingin kami tegaskan bahawa minyak masak bersubsidi 1 kg atau minyak masak peket ini adalah untuk kegunaan isi rumah bukannya untuk perniagaan," jelasnya.

Beratur panjang sejak jam 9 pagi beli telur

Penjual had pembelian selepas pembekal kurangkan bekalan

Coleh Baharom Bakar,
Ahmad Hashi dan
Siti Aminah Mohd Yusof
bhncws@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pengguna di beberapa negeri mengeluh kerana bekalan telur berkurangan sejak dua minggu lalu sehingga terpaksa mereka terpaksa beratur panjang untuk membeli dalam jumlah terhad.

Pengguna di Negeri Sembilan, Terengganu dan Pulau Pinang yang ditemui berkata, penjual mengehadkan pembelian atas alasan pembekal mengurangkan bekalan kepada mereka antara 30 peratus hingga 50 peratus.

Seorang peniaga di Georgetown berkata, pembekal lazimnya menghantar 300 hingga 1,000 papan telur setiap hari sebelum ini, namun jumlah itu merosot hingga 50 peratus menyebabkan peniaga terpaksa mengambil sendiri bekalan di Jawi dan Nibong Tebal untuk menampung kekurangan.

Namun, pengguna ditemui bersyukur kerana walaupun bekalan telur berkurangan dengan ketara, harga bahan makanan itu masih stabil dan tidak melebihi harga maksimum ditetapkan.

Pemborong patuh harga

Pemborong didapati masih mematuhi harga siling ditetapkan iaitu 45 sen sebiji untuk telur gred A, 43 sen untuk gred B dan gred 41 sen untuk gred C.

Tinjauan di beberapa pasar raya dan kedai runcit di sekitar Seremban mendapati rak telur kosong dan hanya ada beberapa paket telur ayam kampung.

Suri rumah, Syuhadah Majid

berkata, sudah dua kali dia ke pasar raya, namun kecewa dan terpaksa mencari di beberapa kedai runcit lain.

"Sejak minggu lalu sudah dua kali saya terpaksa membeli telur ayam kampung kerana tiada pilihan. Harganya sedikit mahal berbanding telur ayam biasa," katanya.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan, Muhammad Zahir Mazlan berkata situasi itu berpunca daripada permintaan tinggi di pasaran ketika ini menjelang musim perayaan.

"Semakan di dua ladang telur ayam di negeri ini mendapat pengeluaran pada peringkat ladang tidak berlaku pengurangan bekalan telur ayam," katanya sambil menambah pengguna dinasihatkan tidak membuat pembelian panik, lebih daripada keperluan.

Tinjauan di Pasar Cabang Tiga, Kuala Terengganu pula menda-



Orang ramai beratur untuk membeli telur ayam di Pasar Cabang Tiga, Kuala Terengganu, semalam.

(Foto Baharom Bakar/BH)

pati orang ramai beratur panjang sejak jam 9 pagi untuk membeli telur daripada pemborong.

Sebanyak 5,000 telur pelbagai gred yang dijual pemborong berkenaan habis dalam tempoh tiga jam kemudian. Walaupun ada insiden pengguna bertikam lidah dengan pemborong, keadaan adalah terkawal dan majoriti pengguna terpaksa berpuas hati dengan had pembelian maksimum 150 biji seorang.

Pengarah KPDNHEP negeri, Sahruddin Mohd Kia, meng-

esahkan berlaku kekurangan bekalan telur sebanyak lima juta biji atau 40 peratus di negeri itu. 13 pemborong hanya memperoleh antara tujuh hingga lapan juta sebulan berbanding 13 juta sebelum krisis bekalan berlaku.

Seorang peniaga telur di Kompleks Pasar Awam Bayan Baru, Georgetown pula berkata, kelmarin bekalan telur habis dijual pada jam 10 pagi kerana permintaan tinggi mungkin disebabkan Deepavali.

*

Minda Pengarang

ISMAIL DAUD



Isu ayam: Kita serba-serbi lambat

PADA bulan Mei lalu, Kementerian Perdagangan Dalam Negri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memaklumkan, isu kekurangan bekalan ayam akan dapat diselesaikan pada Jun. Pengumuman itu tentunya melegakan rakyat.

Hari ini, empat bulan dari tarikh pengumuman itu, isu ayam timbul lagi. Lebih teruk, telur ayam pun jadi masalah.

Menurut satu laporan, kekurangan bekalan ayam sebenarnya sudah bermula sejak Oktober 2021, bermakna sudah hampir setahun masalah ini timbul tetapi masih tidak mampu di selesaikan sepenuhnya. Di mana silapnya?

Antara yang dikenal pasti ialah industri itu dikuasai oleh sekelompok pengusaha gergasi aka kartel yang menentukan semua perkara - dan pada anak ayam hingga ke pemasaran.

Apa pula langkah kerajaan? Antara langkah yang diambil ialah memberikan subsidi demi memastikan harga tidak naik, melarang eksport dan dalam masa yang sama membenarkan import.

Pada mulanya, ia nampak berjaya tetapi kini terbukti ia tidak berpanjangan dan bukanlah penyelesaian terbaik. Ter nyata, kartel bijak memanipulasi keadaan. Apabila eksport disekat, mereka lambakkkan bekalan sehingga terlihat isu kekurangan bekalan sudah selesai. Dalam masa yang sama, subsidi tetap dikuat.

Memandangkan bekalan sudah pulih, pada 11 Oktober lalu, kerajaan benarkan semula eksport dan seminggu kemudian bekalan domestik kembali jadi masalah. Rakyat kembali mengeluh, apakah lagi telur ayam pun kini sukar diperoleh.

Alasan kartel, ayam lambat membesar disebabkan makanan yang kurang berkualiti dan dikurangkan jumlahnya sebab mahal. Cuaca panas yang mengakibatkan ayam kurang selera makan dan minum banyak air juga jadi alasan.

Namun, bagi mereka yang di luar kartel ini dan juga pegawai yang terlibat secara langsung dengan mereka, sedar akan permainan ini tetapi tidak banyak yang boleh dilakukan kerana mereka sangat 'berkuasa'.

Sebenarnya, kerajaan boleh dikatakan lambat bertindak dan tidak cukup tegas dalam isu ayam ini. Semasa isu ini hangat diperkatakan pada Mei lalu, barulah ada agensi yang mahu masuk ke dalam industri secara besar-besaran. Kita juga baru terhegeh-hegeh nak tanam jagung untuk makanan ternakan. Universiti kita ada banyak penyelidikan tentang makanan ternakan tetapi tidak dikomersialkan. Kita seperti baru hendak bermula.

Tetapi kata orang *better late than never*. Kita harap apabila menteri jaga pertanian dan menteri yang jaga hal ehwal pengguna yang baharu dilantik, mereka akan melihat isu ayam ini sebagai keutamaan mereka dan berazam tamatkan kemelut ini selamanya.

Banyak cadangan sudah dilontarkan, antaranya wujudkan lembaga unggas dan yang terkini, wujudkan stok penimbang makanan ternakan.

Faktanya ialah rakyat Malaysia makan 47.4 kilogram daging ayam dan 20.7 kilogram telur ayam dan itik setiap orang pada 2020, yang tertinggi berbanding daging yang lain dan kita menghasilkan 98.2 peratus daripada keperluan domestik itu.

Angka itu menunjukkan betapa besarnya kebergantungan rakyat kepada ayam dan betapa besarnya industri ini. Semen taru menunggu Pilihan Raya Umum Ke-15 diadakan dan barisan Kabinet baharu dibentuk, bertabahlah...

KPDNHEP rampas 600 android box bernilai lebih RM400,000

PUTRAJAYA — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menahan seorang wanita tempatan dan merampas 600 unit alat teknologi penstriman pelbagai jenama di sebuah premis di Skudai, Johor baru-baru ini.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Azman Adam berkata, serbuan dilakukan hasil maklumat pemilik hak cipta serta risikan awal dilakukan pihak KPDNHEP selama beberapa hari sebelum tindakan diambil.

Katanya, serbuan itu melibatkan sebuah premis perniagaan di Jalan Mutiara, Skudai, Johor yang menjual alat teknologi penstriman atau dikenali android box.

"Hasil serbuan ke atas premis terbabit, kami merampas 600 unit alat teknologi penstriman pelbagai jenama berserta dokumen berkaitan disyaki mengandungi karya hak cipta dengan nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM404,500.

"Pasukan serbuan juga menahan seorang wanita tempatan berumur lingkungan 20-an yang mengaku sebagai pekerja di premis terbabit untuk siasatan lanjut," katanya.

Azman berkata, suspek disiasat kerana melakukan kesalahan dibawah seksyen 43AA Akta Hak



PENGUAT kuasa KPDNHEP memeriksa android box yang dirampas di sebuah premis di Skudai, Johor Bahru baru-baru ini.

Cipta 1987 iaitu melakukan pelanggaran hak cipta dalam apa-apa karya dengan menjual suatu teknologi penstriman.

"Jika disabitkan kesalahan

boleh didenda tidak kurang dari pada RM10,000 dan tidak melebihi RM200,000 atau penjara maksimum 20 tahun atau kedua-duanya.

KPDNHEP tahan wanita 'penjaga' 600 *android box*

PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menahan seorang wanita dan merampas 600 unit alat teknologi penstriman pelbagai jenama di sebuah premis di Skudai, Johor, baru-baru ini.

Ketua Pengarah Penguat Kuasanya, Azman Adam berkata, serbuan dilakukan ke atas sebuah premis perniagaan di Jalan Mutiara yang menjual alat teknologi penstriman (*android box*).

Katanya, ia dilakukan hasil maklumat pemilik hak cipta serta risikan awal KPDNHEP selama beberapa hari.

"Rampasan dianggarkan berjumlah RM404,500.

"Pasukan serbuan juga menahan seorang wanita tempatan berusia lingkungan 20-an yang mengaku sebagai pekerja di premis terbabit," katanya.

HARI : KHAMIS
TARIKH : 20/10/2022
M/SURAT : 3



MOHD Haris (dua dari kanan) menunjukkan barang yang dirampas.

KPDNHEP rampas 600 alat penstriman bernilai RM404,500

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merampas 600 unit peralatan penstriman pelbagai jenama disyaki mengandungi karya hak cipta dianggarkan bernilai RM404,500 di sebuah premis di Skudai, Johor, kelmarin.

Serbuan dilakukan sepasukan empat anggota penguat kuasa KPDNHEP Putrajaya bermula jam 1 tengah hari selepas melakukan risikan hasil daripada maklumat pemilik hak cipta.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Azman Adam berkata, pihaknya menahan seorang wanita tempatan berusia 20-an yang mengaku sebagai pekerja di premis terbabit untuk siasatan lanjut.

Katanya, siasatan dibuat mengikut Seksyen 43AA Akta Hak Cipta 1987 kerana melakukan pelanggaran hak cipta dalam apa-apa karya dengan menjual suatu teknologi penstriman.

Jika sabit kesalahan boleh didenda minimum RM10,000 dan maksimum RM200,000 atau penjara tidak-melebihi 20 tahun atau kedua-duanya sekali.

"KPDNHEP sudah menambah baik Akta Hak Cipta 1987 melalui pindaan kepada Akta Hak Cipta (Pindaan) 2022 yang berkuat kuasa mulai 18 Mac 2022 lalu.

"Ia memberi penekanan dalam usaha kerajaan untuk membanteras pelanggaran hak cipta secara dalam talian atau cetak rompak digital dengan lebih berkesan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Azman berkata, pihaknya menasihati peniaga supaya tidak menjual peralatan penstriman yang mengandungi karya hak cipta tanpa kebenaran.

"Tindakan penguatkuasaan dan pemantauan berterusan akan dilakukan kerana teknologi penstriman ini berupaya melanggar hak cipta dalam apa-apa karya hak cipta yang dilindungi," katanya.

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : **KHAMIS**
TARIKH : **20/10/2022**
M/SURAT : **16**



Ayam RM7.49
Daging Lembu Tempatan RM38
Daging Lembu Import RM50.90

Telur Gred A. RM13.05
Ikan Kembung RM11.50
Minyak Masak RM7.06

Gula Pasir RM2.85
Bawang Besar Holland RM2.89
Bawang Putih RM4.99

Cili Merah RM10.90
Kubis Tempatan RM3.29
Tepung Gandung RM2.60

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

BERITA ONLINE BERTARIKH 20 OKTOBER 2022			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
20-Oct	CIP KPS platform lahir generasi pengguna bijak	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/226662	SH
20-Oct	5,000 telur ayam licin tiga jam	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/10/1014084/5000-telur-ayam-licin-tiga-jam	BH
20-Oct	Bekalan telur ayam: KPDNHEP pantau 151 peruncit di NS	https://www.utusan.com.my/nasional/2022/10/bekalan-telur-ayam-kpdnhep-pantau-151-peruncit-di-ns/	UM
20-Oct	Don't panic-buy eggs, Negri residents urged	https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/10/19/don039t-panic-buy-eggs-negri-residents-urged	THESTAR
20-Oct	Farmers warn of egg shortage	https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/10/19/farmers-warn-of-egg-shortage	THESTAR
20-Oct	Keadaan Semasa Mengenai Harga Ayam Dan Telur Ayam	https://www.malaysiakini.com/announcement/640207	MALAYSIAKINI
20-Oct	KPDNHEP Confiscated RM404,500 Worth Of Streaming Technology Equipment In Johor	https://www.google.com/amp/s/www.therakyatpost.com/news/2022/10/19/kpdnhep-confiscated-rm404500-worth-of-streaming-technology-equipment-in-johor/amp/	THERAKYATPOST
20-Oct	Makin sukar cari minyak masak peket	https://www.kosmo.com.my/2022/10/19/makin-sukar-cari-minyak-masak-peket/	KOSMO
20-Oct	Wanita 'penjaga' 600 android box ditahan KPDNHEP	https://www.utusan.com.my/nasional/2022/10/wanita-penjaga-600-android-box-ditahan-kpdnhep/	UM

20-Oct	KPDNHEP rampas alat teknologi penstriman bernilai lebih RM400,000	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2022/10/1014076/kpdnhep-rampas-alat-teknologi-penstriman-bernilai-lebih-rm400000	BH
20-Oct	Tiada gangguan bekalan minyak masak peket di Pulau Pinang	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/226638	SH
20-Oct	Erti sebuah kempen	https://www.sinarharian.com.my/article/226667/berita/nasional/erti-sebuah-kempen	SH
20-Oct	Erti sebuah kempen	https://www.facebook.com/sinarharian/posts/pfbid02411GGPwWo5ehT4mB-kK9nG9y7RukYpQc6yYgDBBh3kQynRZfTsqDLQNjuDwL675Xsl	FB
20-Oct	Erti sebuah kempen	https://twitter.com/SinarOnline/status/1582633310941220864	TWITTER
20-Oct	Erti sebuah kempen	https://instagram.com/stories/sinarharian/2952323544107106095?utm_source=ig_story_item_share&igshid=MDJmNzVkJY=	IG
20-Oct	Isu ayam: Kita serba-serbi lambat	https://www.utusan.com.my/commentary/isu-ayam-kita-serba-serbi-lambat/	UM
20-Oct	Tiada gangguan bekalan minyak masak peket 1kg di Pulau Pinang	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/tiada-gangguan-bekalan-minyak-masak-peket-1kg-di-pulau-pinang-386799%3famp=1	ASTROAWANI
20-Oct	Tiada gangguan bekalan minyak masak peket 1kg di Pulau Pinang	https://www.thesundaily.my/cerita/berita/tiada-gangguan-bekalan-minyak-masak-peket-1kg-di-pulau-pinang-MB10009360	THESUNDAILY
20-Oct	Peruntukan RM1.2 juta JMKMSiswa bantu ringan beban pelajar IPTA	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/10/1014293/peruntukan-rm12-juta-jmkmsiswa-bantu-ringan-beban-pelajar-ipta	BH

20-Oct	KPDNHEP akan perkasakan semula peranan Rakan KPDNHEP, jadi mata dan telinga kementerian	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/49227-kpdnhep-akan-perkasakan-semula-peranan-rakan-kpdnhep-jadi-mata-dan-telinga-kementerian	BERITARTM
20-Oct	KPDNHEP perkasa peranan rakan KPDNHEP melalui pemberian insentif	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2130394	BERNAMA
20-Oct	Hanya 10 peratus daripada 811,000 rakan KPDNHEP aktif	https://www.utusan.com.my/berita/2022/10/hanya-10-peratus-daripada-811000-rakan-kpdnhep-aktif/	UM
20-Oct	PPIM prihatin rungutan kenaikan harga makanan	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/10/894204/ppim-prihatin-rungutan-kenaikan-harga-makanan	HM